

Pembangunan Program Perumahan Miskin Bandar di Kuala Lumpur

Norizan Rameli¹

¹Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

²Institut Transformasi dan Pembangunan Wilayah,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2022.04.02.010>

Received 27 August 2022; Accepted 13 November 2022; Available online 15 Disember 2022

Abstrak: Program perumahan untuk golongan miskin dibangunkan secara intensif untuk memastikan setiap isi rumah mendapat akses kepada perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki. Program perumahan kepada golongan miskin bandar diberi keutamaan dengan mengambil kira peningkatan jumlah penduduk dan kos sara hidup di kawasan bandar. Walaupun pelbagai program perumahan dibangunkan, namun kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap program perumahan ini masih menjadi persoalan. Oleh itu, artikel ini bertujuan menjelaskan program-program perumahan yang dibangunkan untuk isi rumah miskin bandar yang menghuni di Kuala Lumpur. Terdapat program perumahan di bawah kerajaan pusat (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) seperti Program Rumah Ikram, Program Rumah Transit, Program Perumahan Rakyat Dimiliki, dan Program Perumahan Rakyat Disewa. Selain itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan juga menyediakan inisiatif untuk membantu golongan miskin bandar melalui insentif Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina/Membaiki Rumah, dan Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah. Pembangunan program-program perumahan memainkan peranan penting untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki bagi kelompok isi rumah yang memerlukan. Langkah yang diambil ini berupaya mengatasi cabaran kualiti perumahan, ketidaksepadanan penawaran dan permintaan perumahan serta keupayaan memiliki atau menyewa rumah melalui sistem pengagihan yang efektif terhadap perumahan mampu milik secara amnya dan program perumahan awam secara khususnya.

Kata Kunci: Program perumahan, miskin bandar, Kuala Lumpur, perumahan awam

1. Pengenalan

Pendapatan isi rumah sering dikaitkan dengan kemampuan memiliki sesebuah rumah. Malah pendapatan isi rumah merupakan salah satu faktor terpenting dalam kemampuan membeli rumah (Malek & Husin, 2012; Rameli, Salleh, & Ismail, 2016). Ini kerana pendapatan mempengaruhi kelayakan isi rumah untuk memiliki rumah dan menentukan keupayaan mereka dalam proses pembayaran balik pinjaman (Rameli et al., 2016). Di Malaysia, isi rumah dikategorikan mengikut pendapatan iaitu kumpulan tertinggi 20 peratus (T20), kumpulan menengah 40 peratus (M40), dan kumpulan terendah 40 peratus (B40). Pengkategorian ini adalah untuk memudahkan kerajaan dalam merangka dasar dan polisi demi kesejahteraan rakyat. Jadual 1 menunjukkan had pendapatan isi rumah di Malaysia mengikut kategori yang dikeluarkan pada tahun 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia – DOSM). Di antara ketiga-tiga kategori pendapatan ini, B40 merupakan isi rumah yang mempunyai pendapatan yang paling rendah berbanding dengan kategori M40 dan T20. Sebanyak 2.91 juta isi rumah di Malaysia berada dalam kategori B40 dengan had pendapatan sebanyak RM4,849 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a).

*Corresponding author: norizanr@uthm.edu.my

2022 UTHM Publisher. All rights reserved.
publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jstard

Jadual 1 - Had pendapatan mengikut kategori pendapatan isi rumah

Kategori Pendapatan	Had pendapatan	Jumlah isi rumah (juta)
T20	>RM10,960	1.46
M40	RM4,840 – RM10,959	2.91
B40	<RM4,849	2.91

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020a))

Selain itu, isi rumah B40 juga terdiri daripada isi rumah miskin. Sesebuah isi rumah dianggap miskin mutlak jika pendapatan yang diterima adalah kurang daripada nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Nilai PGK ini sentiasa dikemaskini mengikut keadaan semasa yang terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan. Pada tahun 2019, nilai PGK ialah RM2,208 sebulan di peringkat nasional (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Ini menjadikan sebanyak 405.4 ribu (5.6%) isi rumah di Malaysia tergolong dalam kategori miskin mutlak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Namun pada tahun 2020, Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia yang diterbitkan oleh DOSM pada tahun 2021 mendapati pendapatan isi rumah telah berkurang sebanyak 10.3 peratus akibat penularan wabak Covid-19. Akibatnya, jumlah isi rumah miskin mutlak telah meningkat kepada 639.8 ribu (8.4%) berbanding yang telah direkodkan pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Manakala isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatan yang diterima adalah dibawah paras PGK makanan iaitu sebanyak RM1,169 sebulan di peringkat nasional (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Sebanyak 78 ribu (1.0%) isi rumah direkodkan sebagai miskin tegar pada tahun 2020 berbanding 27.2 ribu (0.4%) pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Jadual 2 menunjukkan jumlah isi rumah miskin mutlak dan miskin tegar di Malaysia.

Jadual 2 - Jumlah isi rumah miskin mengikut kategori miskin mutlak dan miskin tegar

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	2019	2020
Miskin mutlak (Nilai PGK = RM2,208)	405.4 ribu (5.6%)	639.8 ribu (8.4%)
Miskin tegar (Nilai PGK makanan = RM1,169)	27.2 ribu (0.4%)	78 ribu (1.0%)

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2021))

Pada sisi lain, Kuala Lumpur adalah sebuah bandar global yang menjadi pusat pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Namun Kuala Lumpur juga tidak terkecuali mempunyai isi rumah miskin. Golongan isi rumah miskin ini digelar miskin bandar yang membawa maksud isi rumah miskin yang tinggal di bandar (Mustafar et al., 2018). Pada tahun 2019, DOSM merekodkan bahawa 3.8 peratus isi rumah miskin mutlak adalah terdiri daripada isi rumah miskin bandar dan 0.2 peratus adalah terdiri daripada isi rumah yang tinggal di Kuala Lumpur (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Jumlah isi rumah miskin bandar di Kuala Lumpur juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 akibat penularan wabak Covid-19 iaitu kepada 0.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Tambahan pula, terdapat peningkatan jumlah isi rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih. Di Kuala Lumpur secara khususnya, jumlah isi rumah miskin mutlak dan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem e-kasih yang memerlukan bantuan meningkat kepada 10,200 isi rumah (Bernama, 2021). Kemiskinan yang disebabkan oleh pendapatan ini memberi kesan terhadap kemampuan memiliki rumah khususnya isi rumah miskin bandar di Kuala Lumpur. Kajian yang dilakukan oleh Rameli, Salleh, and Ismail (2017) mendapati hampir separuh daripada isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur tidak mampu untuk memiliki rumah. Salah satu penyebab ketidakmampuan adalah kekurangan rumah kos rendah (Mustafar et al., 2018) yang boleh mengimbangi pendapatan yang diterima oleh golongan miskin bandar di Kuala Lumpur.

Tambahan pula, terdapat peningkatan yang ketara dalam harga rumah (Osman & Saini, 2019). Seiring dengan pertumbuhan yang pesat di Kuala Lumpur ia telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan menjadi tumpuan semua lapisan masyarakat yang ingin meningkatkan ekonomi isi rumah. Pada tahun 2019, kadar penduduk di Kuala Lumpur telah meningkat kepada 1.8 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020b). Penghijrahan penduduk dalam skala yang besar telah menyebabkan permintaan terhadap perumahan meningkat dan seterusnya meningkatkan harga rumah. Mengikut kajian Malek and Husin (2012) di Malaysia, harga rumah merupakan faktor utama dalam keputusan pembelian rumah untuk golongan isi rumah miskin. Ini kerana perbelanjaan yang berkaitan rumah menjadi perbelanjaan terbesar untuk kebanyakan isi rumah (Yusof & Jamaluddin, 2018) dan harga rumah yang tinggi menjadi beban kepada golongan miskin bandar (Rameli et al., 2016). Di samping itu, golongan miskin menghadapi masalah dalam membuat pembayaran

pinjaman perumahan mahupun sewaan (Yusof & Jamaluddin, 2018) kerana pendapatan yang diterima hanya sekadar mencukupi untuk keperluan asas.

Dalam pada itu, kemiskinan menjadi salah satu sebab wujudnya golongan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur (Mustafar et al., 2018). Gelandangan adalah penduduk yang tidak mempunyai rumah untuk didiami (Berawi & Ismail, 2019). Merujuk kepada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, rumah bermaksud binaan untuk tempat tinggal (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d). Dimana tempat tinggal merupakan salah satu keperluan yang paling asas bagi kelangsungan hidup untuk setiap manusia (Maslow & Lewis, 1987). Berawi and Ismail (2019) dalam kajian mereka di sekitar Kuala Lumpur mendapati terdapat gelandangan yang mempunyai pekerjaan, namun mereka tidak mempunyai rumah. Ini menunjukkan bahawa pendapatan yang diterima masih belum membolehkan mereka untuk memenuhi keperluan yang paling asas iaitu mempunyai tempat tinggal yang digelar rumah.

Disebabkan itu, pelbagai inisiatif yang disediakan oleh kerajaan dalam membantu golongan miskin bandar seperti mewujudkan pelbagai program perumahan miskin bandar. Program-program perumahan ini dibina di lokasi yang strategik (Salleh & Latiffi, 2021) yang memudahkan akses kepada keperluan asas seperti gerai makanan, sekolah, surau dan lain-lain lagi. Bantuan ini juga turut disediakan untuk golongan miskin bandar di Kuala Lumpur. Malah, Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi senantiasanya menjadi keutamaan kerajaan untuk dibantu. Akan tetapi, kesedaran masyarakat mengenai program-program perumahan miskin bandar terutamanya di Kuala Lumpur masih menjadi persoalan. Tambahan pula, tiada informasi yang jelas mengenai program-program yang telah dilancarkan untuk membantu golongan miskin (Shahlan, Abd Malek, & Khashim, 2020). Kurangnya pengetahuan mengenai inisiatif-inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan menambahkan lagi bilangan isi rumah yang tidak memiliki rumah. Menurut Malek, Samsurijan, Leng, Gopal, and Hamat (2017), pengetahuan tentang bantuan perumahan yang telah disediakan untuk golongan miskin bandar haruslah ditingkatkan. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan mengenai program-program perumahan yang dibangunkan untuk isi rumah miskin bandar di Kuala Lumpur. Dapatan daripada literatur ini akan dapat membantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat khususnya golongan miskin bandar di Kuala Lumpur terhadap program-program perumahan miskin bandar yang dibangunkan, justeru meningkatkan pemilikan rumah. Di samping itu, kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan penyelidikan untuk menambahbaik program-program perumahan yang telah dibangunkan dalam bidang akademik. Perbincangan ini terbahagi kepada 4 bahagian. Bahagian 1 adalah pengenalan. Bahagian 2 akan mengupas program-program Perumahan Miskin Bandar di Kuala Lumpur, diikuti dengan inisiatif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di bahagian 3 dan kesimpulan kajian di bahagian 4.

2. Program Perumahan Miskin Bandar di Kuala Lumpur

Terdapat pelbagai program perumahan yang disediakan di bawah kerajaan pusat (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) untuk membantu golongan miskin. Ia adalah insentif kerajaan dalam usaha untuk membantu golongan berpendapatan rendah sama ada yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar. Di Kuala Lumpur, antara program-program perumahan miskin bandar yang diwujudkan adalah seperti Program Rumah Ikram, Program Rumah Transit, Program Perumahan Rakyat Dimiliki, dan Program Perumahan Rakyat Disewa.

2.1 Program Rumah Ikram

Program Rumah Ikram merupakan inisiatif yang disediakan oleh kerajaan dalam membantu isi rumah yang kehilangan tempat tinggal akibat wabak Covid-19. Penutupan ekonomi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengakibatkan banyak isi rumah terkesan. Hal ini termasuklah diberhentikan kerja (Aziz, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021), pengurangan gaji (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021) dan diberi cuti panjang tanpa gaji (Aziz, 2020) yang membawa kepada masalah pembayaran tempat tinggal dan akhirnya risiko kehilangan tempat tinggal. Oleh itu, fokus utama program ini adalah untuk membantu isi rumah yang kehilangan rumah akibat wabak Covid-19. Program ini menawarkan bantuan sewaan percuma selama enam bulan pertama dan diikuti sewaan sebanyak RM124.00 sebulan untuk bulan seterusnya. Terdapat beberapa projek untuk program ini di serata tempat. Namun di Kuala Lumpur ia terletak di PPR Sentul Murni. Rumah yang ditawarkan adalah jenis rumah flat yang berkeluasan tidak kurang daripada 700 kaki persegi, mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, satu ruang tamu dan satu ruang dapur. Program ini ditawarkan kepada isi rumah (pemohon dan pasangan) berstatus warganegara Malaysia yang berumur melebihi 18 tahun dan ke atas, di mana mereka tidak memiliki rumah atau rumah yang tersedia telah dilelong atau diarah keluar oleh tuan rumah. Di samping itu, jumlah pendapatan isi rumah tidak boleh melebihi RM3,000.00.

2.2 Program Rumah Transit

Program Rumah Transit adalah khusus untuk pasangan berkahwin dan berumur kurang daripada 30 tahun. Objektifnya adalah untuk membantu pasangan muda yang telah berkahwin dan mempunyai pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM5,000 sebulan untuk mendapatkan rumah sementara. Had tempoh sewaan adalah selama dua tahun. Enam bulan sebelum tamat tempoh akhir sewaan, notis akan diberi untuk membolehkan penyewa mengosongkan rumah. Pada masa ini, program rumah transit ini hanya ditawarkan di Kuala Lumpur iaitu terletak di PPR Pinggiran Bukit Jalil. Sebanyak dua blok (Blok L and M) bersamaan dengan 632-unit telah disediakan khas untuk program ini dengan kadar

sewaan sebanyak RM250.00 sebulan. Keluasan rumah yang ditawarkan adalah 700 sehingga 850 kaki persegi. Terdapat dua atau tiga bilik tidur, dua bilik air, satu ruang tamu, dan satu ruang dapur. Rumah yang disediakan juga dilengkapi dengan kipas dan lampu. Namun program ini hanya ditawarkan kepada isi rumah (pemohon dan pasangan) berstatus warganegara Malaysia yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur dan tidak mempunyai rumah sendiri. Pemohon juga tidak boleh mempunyai rekod jenayah untuk membolehkan mereka untuk mendapatkan kelulusan Program Rumah Transit.

2.3 Program Perumahan Rakyat Dimiliki

Program Perumahan Rakyat Dimiliki (PPR Dimiliki) adalah program yang diusahakan oleh kerajaan untuk menempatkan semula penduduk setinggan dan untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Program ini diwujudkan bagi membantu isi rumah untuk memiliki rumah sendiri. Harga rumah yang ditawarkan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM35,000 termasuklah di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, bentuk PPR Dimiliki adalah berbeza-beza mengikut tempat. Di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, PPR Dimiliki adalah berbentuk rumah bertingkat (flat) iaitu antara 5 hingga 18 tingkat berbanding di luar bandar yang berbentuk rumah teres. Rumah ini mempunyai tiga bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang dapur, beserta dua bilik air. Program ini hanya ditawarkan kepada isi rumah (pemohon dan pasangan) berstatus warganegara Malaysia sahaja yang berumur 18 tahun dan ke atas serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan. Di samping itu, pemohon serta pasangan bagi program mestilah dari kalangan yang tidak pernah memiliki rumah. Terdapat beberapa lokasi yang disediakan untuk program PPR Dimiliki di sekitar Kuala Lumpur. Jadual 3 menunjukkan senarai perumahan dan kawasan yang terlibat untuk program PPR Dimiliki di Kuala Lumpur.

Jadual 3 - Senarai Perumahan dan kawasan terlibat untuk PPR Dimiliki

Kategori	Senarai Perumahan	Kawasan terlibat
Rumah Jual	1. Sentul Utara Blk 158 (Kos Sederhana) 2. P.A Seri Terengganu 3. Putra Ria 4. Cheras 4E 5. Keramat Jaya II 6. Vista Angkasa 7. Gombak II, Sri Tioman II 8. Kondo Rakyat 9. B.B Sentul Fasa 3 10. B.B Sentul Fasa 8/9 11. Langkawi I & II	Melibatkan kawasan perumahan Sentul, Cheras, Gombak dan Datuk Keramat

(Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2022))

2.4 Program Perumahan Rakyat Disewa

Program Perumahan Rakyat Disewa (PPR Disewa) diperkenalkan pada tahun 2002. Seperti PPR Dimiliki, PPR Disewa adalah disasarkan kepada penduduk setinggan dan isi rumah yang berpendapatan rendah. Namun terdapat sedikit perbezaan di antara PPR Disewa dan PPR Dimiliki di mana PPR Disewa disediakan untuk disewa sahaja tanpa memiliki rumah tersebut. Kerajaan telah menetapkan sewaan sebanyak RM124.00 sebulan untuk program ini. Walau bagaimanapun, ciri-ciri dan syarat-syarat permohonan PPR Disewa adalah sama seperti PPR Dimiliki. Untuk program ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memainkan peranan penting dalam menguruskan perumahan PPR Disewa. Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan DBKL, PPR Disewa telah dibahagikan kepada empat zon. Jadual 4 menunjukkan senarai perumahan PPR Disewa dan kawasan terlibat mengikut zon yang telah ditetapkan.

Jadual 4 - Senarai perumahan PPR Disewa dan Kawasan terlibat mengikut zon

Kategori	Senarai Perumahan	Kawasan terlibat
Zon I	1. Seri Sabah 3A 2. Seri Sabah 3B 3. Seri Pulau Pinang/Had 4. Seri Johor 4A & B 5. Seri Johor 4C 6. Seri Melaka 7. Seri Labuan 8. Seri Kota 9. P.A Desa Tasik 1A 10. PPR Taman Mulia	Zon I melibatkan kawasan perumahan Bandar Tun Razak, Sungai Besi, Cheras dan Bukit Jalil.

Kategori	Senarai Perumahan	Kawasan terlibat
	11. PPR Desa Tun Razak 12. PPR Taman Permai 13. PPR Desa Petaling 14. PPR Kg Seri Malaysia 15. PPR Pudu Ulu 16. PPR Laksamana (Jalan Peel) 17. PPR Perkasa	
Zon II	1. Seri Selangor 2. Jalan Hang Tuah 3. Seri Sarawak 4. Seri Pahang 5. Razak Mansion 6. P.A Bukit Kerinchi 1A 7. PPR Seri Pantai 8. PPR Seri Alam 9. PPR Kg Muhibbah 10. PPR Seri Anggerik 11. PPR Salak Selatan 12. PPR Kg Limau 13. PPR Pantai Ria 14. PPR Kerinchi Lembah Pantai 15. P.A Putra Ria	Zon II melibatkan kawasan perumahan Kerinchi, (Lembah Pantai, Jalan Puchong) Pantai Dalam hingga Bukit Kiara.
Zon III	1. Seri Perak 2. Seri Negeri Sembilan 3. Seri Kelantan 4. Seri Terengganu 5. Jinjang Utara A B C/Segambut 6. PPR Pekan Batu 7. PPR Taman Wahyu 8. PPR Beringin 9. PPR Intan Baiduri 10. PPR Batu Muda 11. PPR Metro Prima Kepong	Zon III melibatkan kawasan perumahan sekitar Sentul, Jalan Tun Razak hingga Jinjang Utara (Kepong, Jalan Ipoh) dan Selatan.
Zon IV	1. PPR Gombak Setia 2. PPR Jelatek 3. PPR Sg.Bonus 4. PPR Seri Semarak 5. PPR Kg.Baru Air Panas 6. PPR Wangsa Sari 7. PPR Hiliran Ampang 8. P.A Seri Kedah / Langkawi 1 9. P.A Seri Tioman 1 10. P.A Setapak Jaya 1a/ 11. Wangsa Maju R1/R10 12. P.A Seri Perlis I/II 13. P.A Desa Rejang I 14. P.A Desa Rejang II	Zon IV melibatkan kawasan perumahan di Setapak, Wangsa Maju, Gombak dan Datuk Keramat.

(Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2022))

2.5 Ringkasan Program Perumahan Miskin Bandar di Kuala Lumpur

Jadual 5 menunjukkan ringkasan program-program perumahan miskin bandar yang terdapat di Kuala Lumpur.

Jadual 5 - Ringkasan program perumahan miskin Bandar di Kuala Lumpur

Program	Lokasi	Kadar sewaan/ belian	Pendapatan isi rumah	Keluasan/Binaan	Syarat
Rumah Ikram	PPR Sentul Murni	<ul style="list-style-type: none"> Sewa RM124.00 sebulan (percuma untuk 6 bulan pertama). 	Tidak melebihi RM3,000 sebulan.	<ul style="list-style-type: none"> Keluasan: Tidak kurang daripada 700 kaki persegi; Bilik tidur: 3; Bilik air: 2; Ruang tamu; Ruang dapur; 	<ul style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia (pemohon dan pasangan); Berumur 18 tahun dan ke atas; Tidak memiliki rumah/ rumah tersedia ada telah dilelong/ tuan rumah menamatkan tempoh sewaan.
Program Rumah Transit	PPR Bukit Jalil (Blok L dan M).	<ul style="list-style-type: none"> Sewa RM250.00 sebulan untuk tempoh 2 tahun. 	Tidak melebihi RM5,000 sebulan.	<ul style="list-style-type: none"> Keluasan: Di antara 700 hingga 850 kaki persegi; Bilik tidur: 2 atau 3; Bilik air: 2; Ruang tamu; Ruang dapur; Kipas dan lampu. 	<ul style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia (pemohon dan pasangan); Berumur antara 18 hingga 30 tahun; Tidak mempunyai rumah sendiri di kawasan rumah/ negeri yang di pohon; Bekerja di Kuala Lumpur; Tiada rekod jenayah.
Program Perumahan Rakyat Dimiliki (PPR Dimiliki)	Rujuk jadual 3	<ul style="list-style-type: none"> Belian RM35,000 seunit, 	Isi rumah berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan.	<ul style="list-style-type: none"> Keluasan: Tidak kurang daripada 700 kaki persegi. Bilik tidur: 3; Bilik air: 2; Ruang tamu: 1; Ruang dapur: 1. 	<ul style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia (pemohon dan pasangan); Berumur 18 tahun ke atas. Pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah; Mengikut syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh kerajaan Negeri.
Program Perumahan Rakyat Disewa (PPR Disewa)	Rujuk jadual 4	<ul style="list-style-type: none"> Sewa RM124.00 sebulan, 			

(Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (teduh.kpkt.gov.my), Jabatan Perumahan Negara) (<http://ehome.kpkt.gov.my>)

3. Inisiatif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Di Malaysia, etnik Melayu adalah isi rumah yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi jika dibandingkan dengan etnik-etnik yang lain. Kadar kemiskinan mutlak etnik Melayu adalah sebanyak 7.2 peratus diikuti dengan 4.8 peratus oleh etnik India dan 1.4 peratus oleh etnik Cina (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan etnik Melayu menunjukkan bahawa etnik Melayu perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam membasmu kemiskinan. Dalam Artikel 160 (2) Perlembagaan Malaysia, telah termaktub bahawa orang Melayu mestilah beragama Islam. Maka dalam konteks Islam, miskin adalah sesuatu keadaan di mana individu kekurangan material keperluan yang mengikut kelazamin dalam masyarakat tanpa memerlukan bantuan orang lain (Jalil, Mohamad, & Majid, 2020). Justeru Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menentukan kemiskinan iaitu menggunakan cara pengiraan Had al-Kifayah berbanding dengan cara nilai PGK yang digunakan secara umum. Had al-Kifayah adalah dirujuk sebagai suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa (Jalil et al., 2020). Rajah 1 menunjukkan kalkulator Had al-Kifayah yang boleh diakses dalam laman sesawang MAIWP. Pengiraan Had al-Kifayah ini adalah secara kasar. Sehubungan itu, pemohon perlu mengunjungu pejabat Kaunter Baitulmal, MAIWP untuk mendapatkan cara pengiraan yang lebih terperinci.

A. MAKLUMAT PENDAPATAN			
1. Pendapatan Suami / Ketua Keluarga			RM 0 <input type="text"/>
2. Pendapatan Isteri			RM 0 <input type="text"/>
3. Lain-lain pendapatan (Pemberian Anak / Bantuan JKM / Rumah Sewa / Wang Simpanan dan lain-lain)			RM 0 <input type="text"/>
4. Kereta	Pilih salah satu		
	<input type="checkbox"/> 1.6cc dan keatas		RM 0 <input type="text"/>
	<input type="checkbox"/> 1.5cc dan kebawah		
JUMLAH KESELURUHAN			RM 0 <input type="text"/>
			<input type="button" value="KIRA MAKLUMAT PENDAPATAN"/>
B. MAKLUMAT KEPERLUAN			
1. Ketua Keluarga(Rumah sendiri)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
2. Ketua Keluarga(Rumah sewa)	<input type="radio"/> Kediaman Berbayar Rendah < 500		
	<input type="radio"/> Kediaman Berbayar Sederhana > 500		RM 0 <input type="text"/>
3. Dewasa bekerja (Isteri)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
4. Dewasa tidak bekerja / bersekolah (18 tahun keatas)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
5. Remaja bersekolah / tidak bersekolah (13 - 17 tahun)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
6. Kanak-kanak bersekolah / tidak bersekolah (7 - 12 tahun)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
7. Kanak-kanak pra sekolah / tidak bersekolah (5 - 6 tahun)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
8. Kanak-kanak tidak bersekolah (4 tahun ke bawah)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
9. Saudara Baru / Muallaf	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
10. Anak belajar di IPTA / IPTS	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
11. Sakit Kronik	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
12. Orang Kelainan Upaya (OKU)	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
13. Ibu / Bapa Tunggal / Tinggal	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
14. Keluarga bermasalah	<input type="text" value="0"/> Orang		RM 0 <input type="text"/>
JUMLAH KESELURUHAN			RM 0 <input type="text"/>
			<input type="button" value="KIRA MAKLUMAT KEPERLUAN"/>
LEBIHAN PENDAPATAN	(Jumlah A - Jumlah B)	<input type="button" value="KEPUTUSAN"/>	RM <input type="text"/>
Keputusan :		<input type="text"/>	
Asnaf :		<input type="text"/>	<input type="button" value="PRINT BORANG"/>
Nota : Pengiraan sebenar adalah tertakluk kepada pengiraan di pejabat Kaunter Baitulmal, MAIWP			

Rajah 1 - Kalkulator Had-Kifayah
 Sumber: <https://www.maiwp.gov.my>

Dalam Islam juga, isi rumah miskin adalah termasuk dalam takrifan asnaf (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2017b) dan digelar golongan asnaf. Maka untuk bahagian seterusnya, istilah asnaf adalah lebih sesuai digunakan untuk membincangkan bantuan yang diberi oleh MAIWP menggantikan istilah miskin. MAIWP telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan asnaf (mengikut Had al-Kifayah). Bantuan ini adalah dikhususkan kepada warganegara Malaysia yang beragama Islam dan bermautautin di Kuala Lumpur tidak kurang daripada satu tahun. Objektifnya adalah untuk membantu asnaf untuk menjalani kehidupan yang lebih selesa dan selamat. Antara inisiatif yang disediakan oleh MAIWP berkaitan rumah ialah Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina/Membaiki Rumah, dan Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah. Ketiga-tiga jenis bantuan adalah dibawah skim bantuan zakat untuk tempat tinggal. Untuk memohon bantuan yang disediakan oleh MAIWP, para asnaf dikehendaki mengisi borang permohonan yang disediakan oleh MAIWP disertakan bersama gambar berwarna. Gambar tersebut haruslah menutup aurat bagi pemohon wanita. Salinan kad pengenalan pemohon, suami, isteri dan anak-anak juga perlu disertakan bersama penyata gaji/ pencen/ PERKESO. Disamping itu, terdapat dokumen lain yang perlu disediakan oleh pemohon mengikut bantuan yang dipohon.

3.1 Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan

Bantuan ini adalah disediakan oleh MAIWP untuk membantu asnaf membayar deposit sewa rumah dan juga membayar sewa rumah bulanan. Bantuan membayar sewa rumah adalah untuk tempoh masa setahun yang melibatkan kadar had bantuan sehingga RM1,000 (Ahmad Shaherman Shamsuri, 2020). Penerima bantuan juga boleh memohon untuk melanjutkan tempoh bantuan sewa rumah bulanan untuk tempoh lebih daripada setahun. Namun mereka perlu

menghadirkan diri ke pejabat MAIWP sebulan sebelum tamat tempoh untuk proses penilaian penyambungan (Ahmad Shaherman Shamsuri, 2020). Pada tahun 2020, terdapat insentif baru dibawah program Bantuan Sewa Rumah Bulanan di mana penerima bantuan akan diberi bantuan penyambungan secara automatik bagi memudahkan mereka. Untuk permohonan ini, asnaf perlu mengemukakan salinan surat tawaran menyewa rumah dari agensi berkaitan dan surat perjanjian sewaan kepada MAIWP. Disamping itu, salinan kad pengenalan tuan rumah dan penyata akaun/ pengesahan akaun Bank Islam Malaysia Berhad yang menunjukkan maklumat pemilik rumah dan transaksi akhir juga diperlukan untuk memperleengkapkan permohonan.

3.2 Bantuan Membina/ Membaiki Rumah

Bantuan membina rumah adalah bantuan membina rumah baru yang disediakan untuk golongan asnaf yang mempunyai tanah. Manakala, bantuan membaiki rumah adalah disediakan khas untuk membantu asnaf membaiki rumah yang rosak. Kedua-duanya adalah bantuan yang disediakan untuk asnaf yang mempunyai masalah kewangan untuk membina dan membaiki rumah. Skop bantuan membina dan membaiki rumah adalah terhad kepada binaan asas rumah tanpa melibatkan kawasan luar rumah seperti pagar dan lain-lain lagi. Terdapat tiga dokumen sampingan yang diperlukan untuk memohon bantuan membina atau membaiki rumah. Yang pertama adalah salinan bil utiliti atau cukai pintu rumah yang didiami. Yang kedua adalah salinan geran tanah atas nama pemohon sendiri atau penama bersama bagi kes pusaka. Dan yang terakhir, surat persetujuan atau surat kebenaran sekiranya terdapat terdapat saudara-mara yang mempunyai hak bersama ke atas tanah berkenaan.

3.3 Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah

Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah adalah bantuan ketiga yang disediakan oleh MAIWP dalam kategori zakat tempat tinggal. Bantuan ini disediakan khas untuk golongan asnaf yang berhasrat untuk memiliki rumah sendiri. Untuk bantuan ini, golongan asnaf akan diberi bantuan berupa deposit rumah untuk meringankan beban membayar deposit. Asnaf yang ingin memohon bantuan ini juga perlu mengemukakan beberapa dokumen sampingan untuk memudahkan proses bantuan. Selain salinan dokumen perjanjian jual beli (S&P) dan salinan utiliti atau cukai pintu rumah didiami, asnaf juga perlu mengemukakan salinan surat tawaran pembiayaan perjanjian dari institusi kewangan atau dokumen jaminan kewangan.

3.4 Ringkasan Bantuan Yang Disediakan Oleh MAIWP

Jadual 6 menunjukkan ringkasan bantuan yang disediakan MAIWP berserta syarat dan dokument yang diperlukan dibawah skin bantuan zakat untuk tempat tinggal.

Jadual 6 - Syarat dan dokumen yang diperlukan untuk memohon bantuan tempat tinggal daripada MAIWP

Jenis Bantuan	Syarat-syarat asas	Dokumen asas	Dokumen tambahan
Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> Beragama Islam Warganegara Malaysia Bermastautin di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari (1) satu tahun dan masih menetap di Wilayah Persekutuan Tertakluk kepada pengiraan Had al-Kifayah 	<ul style="list-style-type: none"> Borang permohonan. Sekeping gambar. Salinan kad pengenalan pemohon, suami, isteri, dan anak-anak. Salinan penyata gaji/ pencen/ PERKESO. 	<ul style="list-style-type: none"> Salinan surat tawaran menyewa rumah dari agensi berkaitan. Salinan kad pengenalan pemilik rumah. Salinan surat perjanjian sewaan. Salinan penyata akaun/ pengesahan akaun Bank Islam Malaysia Berhad yang menunjukkan maklumat pemilik rumah dan transaksi terakhir.
Bantuan Membina/ Membaiki Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Beragama Islam Warganegara Malaysia Bermastautin di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari (1) satu tahun dan masih menetap di Wilayah Persekutuan Tertakluk kepada pengiraan Had al-Kifayah 	<ul style="list-style-type: none"> Borang permohonan. Sekeping gambar. Salinan kad pengenalan pemohon, suami, isteri, dan anak-anak. Salinan penyata gaji/ pencen/ PERKESO. 	<ul style="list-style-type: none"> Salinan bil utiliti/ cukai pintu rumah didiami. Salinan geran tanah. Surat kebenaran sekiranya terdapat penama bersama di atas geran tanah.
Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> Beragama Islam Warganegara Malaysia Bermastautin di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari (1) satu tahun dan masih menetap di Wilayah Persekutuan Tertakluk kepada pengiraan Had al-Kifayah 	<ul style="list-style-type: none"> Borang permohonan. Sekeping gambar. Salinan kad pengenalan pemohon, suami, isteri, dan anak-anak. Salinan penyata gaji/ pencen/ PERKESO. 	<ul style="list-style-type: none"> Salinan bil utiliti/ cukai pintu rumah didiami. Salinan dokumen perjanjian jualbeli (S&P). Salinan surat tawaran pembiayaan perjanjian dari institusi kewangan/ dokumen jaminan kewangan.

(Sumber: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2017a) (<https://www.maiwp.gov.my>))

4. Kesimpulan

Terdapat pelbagai inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu miskin bandar di Kuala Lumpur untuk mendapatkan rumah sendiri mahupun secara sewaan. Malah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga tidak terkecuali dalam menyediakan bantuan zakat tempat tinggal khas untuk penduduk Islam di Kuala Lumpur. Walaupun kedua-dua institusi ini menggunakan kaedah yang berbeza dalam mengukur tahap kemiskinan iaitu penggunaan nilai PGK dan Had al-Kifayah, namun kedua-dua kaedah ini mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk membantu isi rumah di Malaysia, dan Kuala Lumpur secara khususnya untuk mendapatkan bantuan perumahan. Di samping itu, adalah penting untuk isi rumah memahami bantuan yang diberikan agar dapat memudahkan proses permohonan. Sekaligus menambahkan jumlah isi rumah miskin bandar memiliki rumah dan dapat mengurangkan jumlah gelandangan di sekitar Kuala Lumpur.

Penghargaan

This research was supported by Ministry of Higher Education (MOHE) through Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2020/SS0/UTHM/03/12). The authors would also like to thank the Centre of General Studies and Co-curricular and Institute for Social Transformation and Regional Development, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia for its support.

Rujukan

- [1] Ahmad Shaherman Shamsuri. (2020). WAIWP Lanjut Tempoh Bantuan Kewangan dan Sewa Rumah. Kosmo. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2020/11/12/maiwp-lanjut-tempoh-bantuan-kewangan-dan-sewa-rumah/>
- [2] Aziz, A. R. A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9.
- [3] Berawi, F., & Ismail, N. A. (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal. In.
- [4] Bernama. (2021). 10,200 Keluarga Miskin di Kuala Lumpur Dalam Data E-Kasih - Mustapa Mohamed. Astro Awani. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/10200-keluarga-miskin-di-kuala-lumpur-dalam-data-ekasih-mustapa-mohamed-287704>
- [5] Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d). Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/>
- [6] Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (2022). Perkhidmatan. Retrieved from <https://www.dbkl.gov.my/perkhidmatan/perumahan-awam/>
- [7] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas.
- [8] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020b). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran - Wilayah Persekutuan 2019.
- [9] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020. In.
- [10] Jalil, N. S. A., Mohamad, M. H., & Majid, W. R. (2020). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 Dan Had Kifayah Maiwp: Satu Tinjauan Perbandingan.
- [11] Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2017a). Jenis Skim Bantuan Zakat. Retrieved from <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/takrif-asnaf>
- [12] Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2017b). Takrif Asnaf. Retrieved from <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/takrif-asnaf>
- [13] Malek, N. M., & Husin, A. (2012). Pemilihan Rumah Dalam Kalangan Masyarakat Bandar Berpendapatan Sederhana dan Rendah di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2).
- [14] Malek, N. M., Samsurijan, M. S., Leng, K. S., Gopal, P. S., & Hamat, Z. (2017). Kemampuan Memiliki Rumah dalam Kalangan Keluarga Bandar di Malaysia. *Geografi*, 5(2), 69-77.
- [15] Maslow, A., & Lewis, K. (1987). Maslow's Hierarchy of Needs. *Salenger Incorporated*, 14(17), 987-990.
- [16] Mustafar, F. W., Yusof, F., Dora, M. T., Mustaffa, F., Mokhtar, M. Y. O., Osman, I. H., . . . Hanafi, M. H. M. (2018). Fenomena Gelandangan: Faktor Kebanjiran 'Komuniti Jalanan'. Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi (UPPI): Kolej Universiti Islam Melaka.
- [17] Osman, S., & Saini, K. M. (2019). Analisis Trend Indeks Harga dan Taburan Jenis Perumahan Mengikut Kelas Sosioekonomi di Kuala Lumpur. *Akademika*, 89(2), 00kand01.
- [18] Rameli, N., Salleh, D., & Ismail, M. (2016). Kemampuan Memiliki Rumah: Satu Analisa dari Sudut Sosioekonomi Isi Rumah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(1), 10-16.
- [19] Rameli, N., Salleh, D., & Ismail, M. (2017). Homeownership Affordability of Low Income Group in Kuala Lumpur. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 4(3), 215-227.
- [20] Salleh, N. A. S. M., & Latiffi, A. A. (2021). Kajian Kepuasan Penduduk Terhadap Kualiti Perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 685-698.

- [21] Shahlan, N. N. A., Abd Malek, M. I., & Khashim, N. F. (2020). Tipologi Perumahan Bandar Mikro Bagi Golongan Bujang B40 di Kuala Lumpur. *Journal of Design+ Built*, 13(1).
- [22] Yusof, N., & Jamaluddin, Z. (2018). Kos Perbelanjaan Perumahan dalam Kalangan Penduduk Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana di Pulau Pinang. *Akademika*, 88(1), 167-179.